

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMPUT ]  
SOALAN :**

**YB Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan untuk penubuhan klinik kesihatan di kawasan Parlimen Segambut dan kaedah-kaedah terbaru yang digunakan oleh Kerajaan dalam usaha memerangi wabak denggi yang semakin menular tahun demi tahun.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kawasan Parlimen Segambut mempunyai dua (2) buah klinik iaitu Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak Segambut dan Klinik 1Malaysia (K1M) Segambut. Walau bagaimanapun, kawasan ini merupakan sebahagian dari kawasan perkhidmatan Pejabat Kesihatan Daerah Kepong yang mempunyai 12 buah fasiliti kesihatan primer terdiri daripada 3 klinik kesihatan, 5 K1M, 4 klinik kesihatan ibu dan anak.

Selain daripada fasiliti di atas, penduduk di Kawasan Parlimen Segambut mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan Jinjang dan Klinik Kesihatan Batu. Kementerian mengambil maklum akan beban kerja yang tinggi dan ketidakselesaan pelanggan yang

mendapatkan perkhidmatan di klinik-klinik tersebut. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengutamakan pembinaan dua (2) buah klinik kesihatan untuk penduduk di kawasan Segambut iaitu Klinik Kesihatan Batu Muda untuk menggantikan Klinik Kesihatan Batu sedia ada dan pembinaan Klinik Kesihatan Manjalara.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kaedah terbaru yang digunakan oleh kerajaan dalam usaha memerangi wabak denggi adalah melaksanakan aktiviti *Outdoor Residual Spraying* (ORS) bermula pada 11 Februari 2015. Aktiviti ditumpukan di empat daerah bermasalah denggi di Selangor iaitu Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Klang. Aktiviti ini dilaksanakan di kawasan-kawasan seperti apartment, rumah pangsa PPRT, rumah kediaman dan lain-lain mengikut keutamaan lokaliti dengan menggunakan bancuhan deltamethrin mengikut garis panduan yang disediakan oleh pihak IMR. Pemantauan dibuat secara berterusan dan penilaian keberkesanan aktiviti ini akan dibuat dalam tempoh tiga bulan.